

Foraminifera Planktonik Formasi Temburong, Pulau Labuan

BAHARUDIN BIN BAKAR¹, SANUDIN TAHIR² & JUNAIDI ASIS²

^{1,2} Fakulti Sains Dan Sumber Alam, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,
88400, Kota Kinabalu Sabah, Malaysia
Emel: baharudinbakar@gmail.com

Penyelidikan foraminifera terhadap enapan turbidit, Formasi Temburong yang berusia Miosen Awal yang tersingkap secara tidak berterusan di Pulau Labuan. Objektif utama penyelidikan adalah menentukan usia setiap singkapan sedimen turbidit menggunakan fosil foraminifera planktonik, selain sekitaran pengendapan bagi formasi tersebut semasa proses pengendapan berdasarkan kehadiran foraminifera bentik. Hasil penyelidikan menjadi gambaran baru biostratigrafi tempatan dan juga memberikan kaitannya dengan formasi yang sama di Sabah dari segi biostratigrafi iaitu korelasi berdasarkan kehadiran fosil dan usia. Sebanyak 35 sampel batu lumpur dan syal diambil daripada empat lokaliti berbeza di sekitar pulau dan dianalisis di makmal menggunakan Sodium

Bikarbonat (Armstrong dan Brasier, 2005) dan Hidrogen Peroksida, sebagai ubahsuai kaedah pengekstrakkan fosil yang lebih bersih dan jelas, dan telah berjaya menemukan beberapa foraminifera planktonik dan bentik. Foraminifera planktonik antaranya Catapsydrax Dissimilis (N5), Globigerinoides Primordius (N4), Globigerina Praebulloides, Globigerina Oscula, Globigerinoides Altipertura, Globigerina venezuelana, Globobulimina tripartita, Globobulimina Gortanii dan Globobulimina obesa. Foraminifera Bentik pula antaranya Nodosaria longiscata, pyramidulina stainforhi, siphonodosaria annulifera, uvigerina carapitana, Nodosaria Anomala dan himpunan agglutinated bentik melebihi 60% daripada hasil penemuan.